



Headline: Kurang kesedaran keselamatan telefon pintar Language: Malay
dorongan jenayah siber

Publication/Portal: Harian Metro

Section: Lokal

Date: 24 August 2022

Page: 2

Kurang kesedaran keselamatan telefon pintar dorongan jenayah siber

Kuala Lumpur: Kurang kesedaran terhadap penjagaan keselamatan telefon pintar boleh mendorong penggodam mengambil kesempatan melakukan jenayah siber termasuk melarikan wang dari dalam akaun bank milik mangsa.

Ketua Inovasi Digital Yayasan Digital Malaysia, Mohd Fazli Azran berkata, kebanyakan kes kehilangan wang dalam akaun bank berlaku apabila penggodam mahupun penipu berjaya mendaftarkan telefon kedua untuk kebenaran mendapatkan Kod Pengesahan Transaksi (TAC) atau kod pengesahan (OTP) tanpa disadari pengguna.

"Ini berlaku jika ada pengguna telefon pintar berhadapan pelbagai serangan seperti *pishing*, *smishing*, *vishing*, *whaling* serta *pharming* selain menggunakan tanpa wayar (Wi-Fi) awam dan terkena serangan *Evil Twin* atau serangan *Watering Hole* yang menasarkannya organisasi atau individu terkenal.

"Disebabkan pelbagai serangan kurang diketahui dan kesedaran menjaga keselamatan telefon pintar, ia akhirnya meny-



Jangan klik pada pautan yang dikongsikan dalam media sosial atau khidmat pesanan ringkas (SMS) kerana ia mungkin datang daripada penggodam atau penipu. Kurangkan melayari laman sesawang yang tidak senonoh, perjudian dan portal tidak berfaedah untuk mengurangkan risiko serangan siber"

Mohd Fazli Azran

babkan penjenayah mengambil kesempatan untuk melakukan jenayah siber.

"Ini bermakna pengguna tidak sedar telefon pintar mereka berjaya digodam secara mudah alih (*remote*) dan biasanya motif utama mereka adalah untuk mendapatkan wang daripada pengguna. Penjenayah menggunakan kelalaian dan ketidaksedaran pengguna bagi mene-

ruskan aktiviti jenayah siber itu," katanya semalam.

Mohd Fazli berkata, kehilangan wang yang berlaku tanpa sebarang TAC atau OTP bermakna ada telefon lain yang didaftarkan untuk mendapatkan kebenaran kod berkenaan.

"Keadaan itu menyebabkan pengguna tidak sedar jika berlaku transaksi wang berikutan pemindahan wang berlaku tanpa pengetahuan mereka.

"Kebiasaannya pengguna jarang melihat dalam aplikasi bank atau e-dompet berhubung beberapa peranti didaftarkan dan mendapat kebenaran untuk memasuki aplikasi seterusnya mendapatkan TAC atau OTP," katanya.

Beliau berkata, antara langkah yang boleh diambil bagi mengurangkan risiko serangan siber adalah memasang antivirus berbayar bagi perlindungan menyeluruh untuk semua jenis peranti.

"Pengguna juga perlu mengemaskini aplikasi terbaharu daripada pengeluaran telefon pintar selain memeriksa aplikasi bank serta e-wallet berhubung peranti yang didaftarkan dan me-

mastikan hanya peranti utama digunakan untuk mendapatkan TAC atau OTP.

"Jangan klik pada pautan yang dikongsikan dalam media sosial atau khidmat pesanan ringkas (SMS) kerana ia mungkin datang daripada penggodam atau penipu. Kurangkan melayari laman sesawang yang tidak senonoh, perjudian dan portal tidak berfaedah untuk mengurangkan risiko serangan siber.

"Jangan memuat turun aplikasi yang mencurigakan atau aplikasi selain daripada *Play Store*, *App Store* atau *App Gallery* dan menetapkan semua aplikasi membabitkan bank serta e-wallet menggunakan biometrik dengan setiap pembayaran dalam aplikasi perlu mendapatkan kebenaran melalui biomterik sama ada cap jari atau pengecaman muka," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan seorang bakal pengantin kehilangan RM27,000 apabila wang simpanan sejak hampir 10 tahun lalu lesap dari akaun hanya dalam tempoh satu hari.